

3.0 Metodologi kajian

Rekabentuk kajian yang digunakan bagi kajian ini nanti adalah dengan menggunakan kaedah kajian kualitatif. Menurut Chau Yan Piaw (2011), kaedah pengumpulan data penyelidikan kualitatif yang sering digunakan termasuk temubual tidak berstruktur, pemerhatian dan soal selidik berbentuk esei. Analisa dokumen adalah proses dari pengumpulan data kajian melalui penyelidikan, penyiasatan, pemeriksaan, pencerakinan dan penganalisaan terperinci yang dibuat terhadap bahan bertulis yang berkaitan dengan perkara yang dikaji. Kawasan kajian adalah sekitar Shah Alam terhadap golongan ibu tunggal yang mendaftar sebagai peniaga dengan Persatuan Perniagaan Ibu Tunggal Shah Alam.

4.0 Perbincangan dan Kesimpulan

Kajian ini nanti akan membincangkan hasil dapatan secara kualitatif bagaimana ibu tunggal ini mengadaptasikan kehidupan mereka tanpa suami untuk menjalani kehidupan menyara dan menanggung ahli keluarga mereka. Kajian ini akan melihat apakah faktor-faktor yang menggalakkan penglibatan ibu tunggal dalam bidang keusahawanan secara kecil-kecilan dan mengenal pasti faktor-faktor kejayaan dan kegagalan mereka dalam bidang keusahawanan kecil-kecilan di Shah Alam, Selangor dan menganalisa faktor ekonomi ibu tunggal serta bagaimana pihak berautoriti membantu mereka dalam pengurusan perniagaan mereka. Melalui kajian ini juga, diharapkan terdapat program-program intervensi untuk tambah nilai kehidupan ibu-ibu tunggal.

Rujukan:

- Ab. Aziz Yusof (2000). "Usahawan Dan Pengukuhan Jaringan Rakan Niaga". Sintok: Penerbit Universiti Utara Malaysia.
- Asnaf(2007), Lembaga zakat Selangor(MAIS).
- Barjoyai Bardai (2000). "Keusahawanan dan Perniagaan". Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Chua.Y.P.(2011). Kaedah Penyelidikan Edisi kedua. Malaysia : Mc Graw Hill.
- Kuehl, C. K dan Lambing, P. (2000). "Entrepreneurship". Edisi Ketiga. Upper Saddle River, New Jersey: Prentice-Hall.
- Morrison, A. (2000). "Entrepreneurship: What Triggers It?" *International Journal of Entrepreneurial Behavior and Research*.6.59
- Nor Aishah Buang (2006). Asas Keusahawanan . Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Rosbi Abd. Rahman, Sanep Ahmad (2011). Strategi Pembangunan Keusahawanan Asnaf Fakir dan Miskin Melalui Agihan Bantuan Modal Zakat.
- Salmah bt. Hj. Yaacob (2003). "Faktor-faktor Yang Mempengaruhi Ushawan Bumiputera Mengembangkan Perniagaan di Bandar Seremban, Negeri Sembilan. " Universiti Teknologi Malaysia. Projek Sarjana Muda.
- Tee Kee Pei (2000). "Kajian Penerokaan Terhadap Faktor Yang Mendorong Wanita Menceburi Dalam Bidang Keusahawanan." Universiti Teknologi Malaysia: Projek Sarjana.
- Thuaibah@Suaibah et. all (2004). Aktiviti Keusahawanan Di Kalangan ibu tunggal di negeri Johor.
- Zaidatul Akmaliah Lope Pihie and Habibah Elias. (2004). Keusahawanan dan Motivasi Diri. Serdang: Penerbit UPM
- Zuraini bt Zakaria (2000), "Faktor-faktor Yang Mempengaruhi Kemampuan Usahawan Bumiputera di Kawasan Sungai Petani, Kedah Dalam memajukan Perniagaan Mereka.". Universiti Teknologi Malaysia, Projek Sarjana Muda.

Sumber internet :

www.kpwkm.gov.my. Laman web Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, 2014.

Statistik ibu tunggal di Malaysia, Jabatan Perangkaan Malaysia, 2010.

Usahawan sukses (Mei-Jun 2000)."Usahawan Melayu sanggup hadapi Perubahan struktur Ekonomi"

Definisi ibu tunggal. Yayasan Pembangunan Keluarga Terengganu, 2011

KAJIAN KEBOLEHLAKSANA PENGGUNAAN DIGITAL TRAINER FOR DEE2034- DIGITAL ELECTRONICS DI KALANGAN PELAJAR JABATAN KEJURUTERAAN ELEKTRIK POLITEKNIK SULTAN AZLAN SHAH

Nor Hidayah bt Abdul Shukor¹, Nurzaliza bt Ghazali¹, Nurul Fazura bt Abdul Hamid¹

¹Electrical Engineering Department,
Politeknik Sultan Azlan Shah

nor_hidayah@psas.edu.my, nurzaliza@psas.edu.my, nurulfazura@psas.edu.my

Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk menilai sejauh mana *Digital Trainer For DEE2034- Digital Electronics* yang telah dibangunkan oleh pensyarah boleh digunakan sebagai ABBM dan dilaksanakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran di Jabatan Kejuruteraan Elektrik (JKE), Politeknik Sultan Azlan Shah (PSAS). Penyelidikan ini adalah satu kajian kes berbentuk deskriptif dan inferensi. Seramai 61 orang pelajar yang mengambil kursus Digital Electronics dipilih secara tidak rawak sebagai responden untuk kajian ini. Satu set borang soal selidik diedarkan bagi mendapatkan data kajian. Dua elemen yang dinilai oleh pelajar adalah dari aspek rekabentuk dan kebolehlaksanaan penggunaannya. Dapatan kajian menunjukkan rekabentuk dan kebolehlaksanaan *Digital Trainer For DEE2034- Digital Electronics* dapat mempermudah proses amali pelajar bagi kursus Digital Electronics di JKE PSAS. Ini jelas menunjukkan bahawa *Digital Trainer For DEE2034- Digital Electronics* ini adalah bersesuaian yang mana penggunaan *trainer* ini dapat menjimatkan masa kerana keadaan protobord yang mudah alih membolehkan beberapa litar dipasang pada satu-satu masa.

Keywords: Digital Trainer, rekabentuk, kebolehsanaan

1.0 Pengenalan

Kursus DEE2034-Digital Electronics merupakan kursus teras di JKE, di mana ianya wajib diambil oleh semua pelajar semester 2. Sesi amali yang diperuntukkan setiap minggu ialah selama 2 jam di Makmal Elektronik. Pelajar-pelajar perlu menyiapkan 6 amali sepanjang semester iaitu *Fundamental And Combination Logic Gates, Boolean Expression & Karnaugh Map, Data Processing Circuit, Flip-Flop, Synchronous And Asynchronous Counters* dan *Shift Register*. Pelajar-pelajar akan membuat amali dengan memasang dan menguji litar menggunakan *Digital Trainer* yang telah disediakan di Makmal Elektronik. Antara ciri-ciri *trainer* yang sediada ini ialah mempunyai isyarat masukan 5V, 8 keluaran LED, 8 suis dan *protoboard* yang telah siap di pasang pada *trainer* tersebut.

Pensyarah JKE, PSAS telah membangunkan inovasi yang diadaptasi daripada *Digital Trainer* yang sedia ada dengan penambahbaikan mengikut kesesuaian helaian amali yang telah dibina. *Trainer* baru ini dinamakan *Digital Trainer For DEE2034- Digital Electronics* bagi membantu pelajar membuat ujikaji amali kursus *DEE2034- Digital Electronics*. *Trainer* ini mempunyai ciri-ciri bekalan kuasa 5V, 16 LED, 16 suis, 4 terminal *pulse switch* dan *protoboard* yang mudah alih.

Kajian kesesuaian penggunaan *Digital Trainer For DEE2034- Digital Electronics* di kalangan pelajar Jabatan Kejuruteraan Elektrik Politeknik Sultan Azlan Shah dilaksanakan untuk melihat

sejauh mana *trainer* yang telah dibina dapat membantu pelajar dalam memudahkan kerja-kerja amali dan meningkatkan pemahaman pelajar terhadap kursus DEE2034 - *Digital Electronics*.

1.1 Penyataan Masalah

Seiring dengan perkembangan teknologi berasaskan industri, terdapat banyak kit elektronik dan *trainer board* bagi membantu proses P&P mata pelajaran dalam bidang kejuruteraan. Ini selaras dengan kehendak Kementerian Pendidikan Tinggi yang mahu melahirkan pelajar yang bukan sahaja mahir dalam teori malah aplikasi sesuatu mata pelajaran tersebut.

Semasa awal penubuhan PSAS, Makmal Elektronik JKE telah dibekalkan dengan beberapa *Digital Trainer*. Walaubagaimanapun, disebabkan faktor usia dan penggunaannya yang kerap, *trainer* tersebut telah banyak mengalami kerosakan. Ini menyebabkan pelajar sukar mendapat keputusan ujikaji semasa amali dijalankan.

Selain itu, *digital trainer* yang sediada juga mempunyai fungsi yang terhad. Hanya terdapat 8 LED yang bertindak sebagai keluaran sedangkan ada litar yang memerlukan bilangan LED yang lebih seperti litar *decoder* yang terdapat dalam helaian amali ke-4 : *Data Processing Circuit*. Begitu juga dengan suis yang disediakan, hanya terdapat 8 suis sahaja sedangkan litar *encoder* yang juga terdapat dalam amali yang sama memerlukan 10 suis masukan.

Kedudukan protoboard yang telah dilekatkan pada *trainer* juga telah menghadkan hanya satu litar sahaja yang dapat dipasang pada satu-satu masa. Selain itu, sebarang kerosakan sambungan dalaman protoboard juga menyebabkan keputusan ujikaji yang sepatutnya tidak diperolehi. Sewajarnya, *trainer* tersebut perlu diganti baru memandangkan ianya telah digunakan hampir 12 tahun. Namun begitu, oleh kerana kekurangan peruntukan kewangan, pembelian *trainer* baru terpaksa ditangguhkan.

1.2 Persoalan Kajian

- Sejauhmanakah rekabentuk *Digital Trainer For DEE2034- Digital Electronics* bersifat mesra pengguna bagi membantu pensyarah dan pelajar dalam proses pengajaran & pembelajaran kursus *Digital Electronics* di JKE, PSAS
- Sejauh manakah tahap kebolehlaksanaan penggunaan *Digital Trainer For DEE2034- Digital Electronics* yang dihasilkan ini dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

1.3 Objektif Kajian

- Mengenal pasti rekabentuk *Digital Trainer For DEE2034- Digital Electronics* bersifat mesra pengguna bagi membantu pensyarah dan pelajar dalam proses pengajaran & pembelajaran kursus *Digital Electronics* di JKE, PSAS
- Menilai tahap kebolehlaksanaan penggunaan *Digital Trainer For DEE2034- Digital Electronics* yang dihasilkan ini dalam proses pengajaran dan pembelajaran

2.0 Kajian Literatur

Pemilihan jenis mediator untuk pembelajaran yang baik berkait rapat dengan keberkesanan sesuatu proses pengajaran dan pembelajaran. Setiap media atau sumber pengajaran dan pembelajaran ini mempunyai ciri-ciri yang tersendiri dan sesuai untuk digunakan pada suasana atau keadaan yang tertentu (Baharuddin 2000).

Aspek yang perlu diambil kira ialah bentuk panduan yang hendak digunakan untuk menyediakan bahan pembelajaran yang berkualiti. Perkara ini amatlah penting kerana alat bantu pembelajaran yang disediakan dalam bentuk pendidikan seharusnya dapat membantu meningkatkan pemahaman dan kemahiran pelajar dalam proses pembelajaran. Oleh itu bahan pembelajaran yang dihasilkan harus mampu memberi kelainan dalam suasana pembelajaran kepada pelajar.

Trainer yang dijadikan sebagai Alat Bahan Bantu Mengajar (ABBM) memberikan banyak kebaikan dalam proses pengajaran dan pembelajaran (P&P) untuk memudahkan pemahaman pelajar. Pensyarah perlu mempunyai pengetahuan dan kemahiran dalam menyediakan, merekabentuk dan mengendalikan trainer yang dibina. Ini kerana pensyarah kursus yang lebih memahami keperluan bahan pengajarannya. Tugas pengajar adalah membekalkan motivasi kepada pelajar sebagai ransangan untuk menimbulkan minat pelajar dan menggerakkan mereka belajar. (Mok Soon Sang, 1997). Oleh itu pemilihan media P&P yang tepat dan bersesuaian oleh seorang pendidik amat berkait rapat dengan keberkesanan sesuatu proses P&P (Baharuddin 2000).

3.0 Metodologi Kajian

Bahagian ini menerangkan berkenaan kaedah dan tatacara yang akan digunakan dalam penyelidikan ini. Penerangan adalah berdasarkan kepada responden, sumber data dan analisa data.

3.1 Responden Dan Sumber Data

Kajian ini dijalankan di Jabatan Kejuruteraan Elektrik (JKE), PSAS. Responden bagi tujuan kajian ini ialah pelajar semester 2 JKE sesi Jun 2015 yang mengambil Kursus DEE2034 - *Digital Electronics* dan sampel tidak rawak telah digunakan.

3.2 Instrumen Kajian

Instrumen kajian yang digunakan ialah kaedah soal selidik. Kaedah ini diambil bagi memberikan jawapan yang terbaik dalam menjawab persoalan kajian. Soal selidik yang disediakan mengandungi tiga bahagian iaitu bahagian A, B dan C. Soal selidik ini telah diubahsuai dari Baharuddin Aris (2000) mengikut kesesuaian yang diperlukan. Keesahan dan kebolehpercayaan soal selidik ini diadaptasi dari kajian 'Pembinaan Pakej Trainer Board Mikro Pengawal 16F84 : Kajian Terhadap Kesesuaian Penggunaannya Sebagai ABBM Bagi Mata Pelajaran Sistem Mikro Pemproses dan Mikropengawal di Kalangan Pelajar Kejuruteraan Elektrik Pada Peringkat Ijazah Pertama di KUiTTHO' oleh Mohd Kamal Bin Hat (2004). Instrumen kajian ini terdiri daripada tiga (3) bahagian iaitu:

Bahagian A

Bahagian A mengandungi demografi responden. Demografi responden adalah program pengajian pelajar.

Bahagian B

Soal selidik pada bahagian ini adalah berkenaan rekabentuk *Digital Trainer For DEE2034-Digital Electronics*. Pada bahagian ini, responden diminta untuk menandakan darjah persetujuan pada skala lima mata dengan menggunakan skala *Likert*. Bahagian ini mengandungi 8 item.

Bahagian C

Bahagian ini mengandungi soal selidik tentang kebolehlaksana *Digital Trainer For DEE2034-Digital Electronics*. Responden di minta untuk menandakan darjah persetujuan pada skala lima mata dengan menggunakan skala *Likert*. Bahagian ini mengandungi 5 item.

3.3 Analisa Data

Data dikumpulkan melalui pengumpulan data secara *primer* iaitu melalui soal selidik. Ia dikumpulkan dan dianalisa secara kualitatif iaitu statistik deskriptif untuk memperihalkan data yang terdapat pada sampel kajian seperti taburan min dan taburan kekerapan. Menurut Najib (1999), analisa skor berasaskan markah minimum satu item ialah 1 dan maksimum ialah 5. Untuk menentukan sama ada rekabentuk dan kebolehsana *Digital Trainer For DEE2034-Digital Electronics* yang dibina memudahkan para pengguna, nilai titik tengah diukur dari segi skor skala yang didapati. Skor yang sama atau melebihi nilai titik tengah menunjukkan responden berpuas hati dengan rekabentuk dan kebolehsana penggunaan *Digital Trainer For DEE2034-Digital Electronics* yang dibina. Sementara itu skor yang kurang dari titik tengah menunjukkan responden tidak berpuas hati dengan rekabentuk *Digital Trainer For DEE2034-Digital Electronics* yang dibina.

Dua jadual terhadap dua persoalan kajian telah dihasilkan berdasarkan kepada skor min yang dipaparkan dalam julat – julat tertentu dan tahap kesesuaian adalah merujuk kepada julat yang telah ditetapkan pada Jadual 1 di bawah.

Jadual 1 : Julat tahap kesesuaian dapatan kajian
(Adaptasi daripada Landell, 1997 dalam Noor Suriani, 2000)

Kod Kumpulan	Julat	Tahap Kesesuaian
1	1.00 – 2.40	Rendah
2	2.41 – 3.80	Sederhana
3	3.81 – 5.00	Tinggi

3.4 Dapatan kajian

3.4.1 Persoalan kajian 1

Sejauhmanakah rekabentuk *Digital Trainer For DEE2034-Digital Electronics* bersifat mesra pengguna dalam proses pengajaran & pembelajaran kursus Digital Electronics di JKE, PSAS.

Dapatan kajian adalah merujuk pada Jadual 2. Pada bahagian ini terdapat lapan item yang dianalisa bagi mendapatkan nilai skor min. Keputusan analisa skor min bagi setiap item dapat dilihat daripada jadual tersebut. Bagi item yang ke 4, nilai skor min yang diperolehi adalah 2.41 dan merupakan nilai skor min yang paling rendah. Ini kerana, kenyataan dalam soal selidik untuk item tersebut dalam bentuk negatif. Nilai skor min yang rendah menunjukkan pelajar tidak bersetuju bahawa susunan suis, push button dan LED susah dikenalpasti. Manakala sisihan piawai untuk item 4 adalah yang paling tinggi iaitu 1.28. Pengkaji mengandaikan wujud segelintir responden yang tidak memahami kenyataan ayat.

Bagi item yang lain iaitu item 1, 2, 3, 5, 6, 7 dan 8 pula nilai skor min berada pada tahap yang tinggi iaitu dengan skor min masing-masing adalah 4.49, 4.11, 4.35, 3.90, 4.55, 4.59 dan 4.52.

Pada keseluruhannya, nilai purata skor min bagi bahagian ini adalah tinggi iaitu pada paras 4.12. Merujuk kepada Jadual 1, tahap yang tinggi menunjukkan bahawa rekabentuk *Digital Trainer For DEE2034-Digital Electronics* ini adalah bersifat mesra pengguna.

Jadual 2 : Skor Min Rekabentuk *Digital Trainer For DEE2034-Digital Electronics*

No	Item	Min	Sisihan Piawai
1	Mudah difahami	4.49	0.59
2	Mempunyai fungsi yang sama seperti trainer yang sedia ada di makmal	4.11	0.97
3	Mempunyai fungsi melebihi trainer yang sedia ada di makmal	4.35	0.73
4	Susunan suis, push button dan LED susah dikenalpasti	2.41	1.28
5	Suis, push button dan LED yang lebih banyak	3.90	0.96
6	Rekabentuk yang lebih baik, padat dan mudah	4.55	0.67
7	Lebih ringan berbanding trainer lama	4.59	0.74
8	Protoboard yang mudah alih membolehkan banyak litar dipasang pada satu-satu masa	4.52	0.59
Skor min keseluruhan		4.12	0.82

3.4.2 Persoalan Kajian 2

Sejauh manakah tahap kebolehlaksana *Digital Trainer For DEE2034- Digital Electronics* yang dihasilkan ini dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Persoalan kajian yang kedua ini lebih menjurus kepada melihat tahap kebolehlaksana *Digital Trainer For DEE2034- Digital Electronics* dalam proses P&P. Dapatan daripada kajian ini menunjukkan sejauhmana analisa ini mengukur tahap *Digital Trainer For DEE2034- Digital Electronics*. Jadual 3 di bawah menunjukkan taburan skor min berkaitan dengan tahap kebolehlaksana penggunaan *Digital Trainer For DEE2034- Digital Electronics*.

Jadual 3: Skor Min Tahap Kebolehlaksana penggunaan *Digital Trainer For DEE2034- Digital Electronics*

No	Item	Min	Sisihan Piawai
1	Dapat menjimatkan masa bagi membuat penyambungan litar	4.57	0.59
2	Banyak membantu kefahaman yang berkaitan dengan teori yang dipelajari	4.51	0.65
3	Konsep penggunaannya adalah lebih mudah berbanding penggunaan trainer yang sedia ada.	4.49	0.77
4	Wajar digunakan pada masa akan datang bagi pelaksanaan amali kursus Digital Electronics	4.49	0.69
5	Perlu ditambah bilangannya agar bersesuaian dengan jumlah pelajar di dalam kelas.	4.80	0.51
Skor min keseluruhan		4.57	0.64

Hasil analisa menunjukkan bahawa Purata Skor Min secara keseluruhannya berada pada tahap yang tinggi iaitu 4.57 di mana kebanyakan pelajar bersetuju bahawa *Digital Trainer For DEE2034- Digital Electronics* ini dapat menjimatkan masa bagi membuat penyambungan litar, banyak membantu kefahaman yang berkaitan dengan teori yang dipelajari dan konsep penggunaannya adalah lebih mudah berbanding penggunaan trainer yang sedia ada. Pelajar juga bersetuju sekiranya trainer ini digunakan untuk pelaksanaan amali kursus *Digital Electronics* di masa akan datang, bilangan trainer perlu ditambah bersesuaian dengan jumlah pelajar di dalam kelas. Kesimpulannya, responden telah bersetuju menyatakan *Digital Trainer For DEE2034- Digital Electronics* yang dibangunkan ini mempunyai tahap kebolehlaksana yang tinggi.

4.0 Kesimpulan

Secara keseluruhannya berdasarkan kepada analisa yang dijalankan, hasil dapatan kajian menunjukkan rekabentuk *Digital Trainer For DEE2034- Digital Electronics* dapat mempermudah proses amali pelajar bagi kursus *Digital Electronics* di JKE PSAS. Ini kerana rekabentuknya mempunyai fungsi melebihi trainer sedia ada, susunan suis, push button, LED yang lebih banyak dan mudah dikenalpasti, rekabentuk yang lebih padat, lebih ringan dan mempunyai protoboard yang mudah alih.

Hasil analisa juga menunjukkan tahap mesra pengguna adalah tinggi. Dalam perkara ini, responden mempunyai persepsi yang tinggi terhadap ciri-ciri mesra pengguna *Digital Trainer For DEE2034- Digital Electronics* ini. Ciri-ciri rekabentuk yang lebih padat dan susunan suis, push button, LED yang lebih banyak dan mudah dikenalpasti, rekabentuk yang lebih ringan dan mempunyai protoboard yang mudah alih memudahkan penggunaannya berbanding *Digital Trainer* yang sedia ada di makmal yang mana rekabentuknya adalah sangat rumit, berat dan protoboard yang tidak boleh digerakkan dari trainer menghadkan hanya satu pemasangan litar sahaja pada satu-satu masa.

Dapatan kajian menunjukkan kebolehlaksana juga adalah berada pada tahap yang tinggi. Ini jelas menunjukkan bahawa *Digital Trainer For DEE2034- Digital Electronics* ini adalah bersesuaian kerana penggunaan trainer ini dapat menjimatkan masa kerana keadaan protobord yang mudah alih membolehkan beberapa litar dipasang pada satu-satu masa dan penggunaannya yang mudah dapat menarik minat untuk mempelajarinya berbanding penggunaan trainer yang sedia ada. Selain dari itu, ia dapat membantu meningkatkan kefahaman pelajar mengenai teori yang dipelajari melalui pemasangan litar pada *digital trainer* ini, di mana pelajar dapat membandingkan keputusan secara teori dengan hasil ujikaji yang diperolehi semasa amali dengan lebih tepat.

Oleh yang demikian, *Digital Trainer For DEE2034- Digital Electronics* ini dapat dijadikan sebagai ABBM yang sesuai digunakan bagi kursus *Digital Electronics* di JKE, PSAS. Rekabentuk trainer yang dibangunkan ini menepati keperluan dalam silibus dan berkeupayaan untuk menjalankan semua amali dengan hasil ujikaji yang tepat sepertimana yang dirancang di dalam helaian amali *Digital Electronics* di JKE, PSAS. Melalui kesesuaian penggunaan trainer ini, diharapkan proses P&P akan dapat dijalankan dengan lebih berkesan.

Rujukan

- Mohd Salleh Abu & Zaidatun Tasir (2001). *Pengenalan Kepada Analisis Data Berkomputer SPSS 10.0 for Windows*. Kuala Lumpur : Venton Publishing.
- Mohd Kamal Hat (2004). *Pembinaan Pakej Trainer Board Mikro Pengawal 16F84 : Kajian Terhadap Kesesuaian Penggunaannya Sebagai ABBM Bagi Mata Pelajaran Sistem Mikro Pemproses dan Mikropengawal di Kalangan Pelajar Kejuruteraan Elektrik Pada Peringkat Ijazah Pertama di KUiTTHO :Universiti Teknologi Tun Hussain Onn Malaysia*.
- Baharuddin Aris, Noraffendy Yahya, Jamaluddin Hj. Harun & Zaidatun Tasir (2000). *Teknologi Pendidikan*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia

Mohamad Najib Abdul Ghafar (1999). *Penyelidikan Pendidikan*. Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia

Mohd Majid Konting (1998). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Dewan Bahasa dan Pustaka

Mook Soon Sang (1997). *Pedagogi II : Pelaksanaan*. Kuala Lumpur : Kumpulan Budiman Sendirian Berhad

Yusup Hashim (1997). *Media Pengajaran untuk Pendidikan dan Latihan*. Shah Alam: Fajar Bakti Sdn Bhd

DETERMINANTS OF ENTREPRENEURIAL INTENTION AMONG POLYTECHNIC UNDERGRADUATE STUDENTS

Zainah Binti Seman¹, Muslehah Binti Saini², Suhana Binti Matlin³

¹Commerce Department,
Politeknik Kuching Sarawak

²Commerce Department,
Politeknik Kuching Sarawak

³Commerce Department,
Politeknik Kuching Sarawak

zainah@poliku.edu.my, muslehah@poliku.edu.my, suhana@poliku.edu.my

Abstract

The main objective of this study is to examine the level of entrepreneurial intention among Polytechnic students in Sarawak. The study was also conducted to find out whether there is difference between student's demographic variables in terms of entrepreneurial intention. A total of 400 questionnaires were distributed to the target respondents and only 391 of the questionnaires were returned. Thirteen hypothesis are developed to test specific objectives of the study. The findings demonstrated that the entrepreneurial intention among polytechnic students in Sarawak is at moderate level. The findings showed that the personality traits (attitude towards entrepreneurship, locus of control, self-efficacy, proactive personality and risk taking propensity) have a significant relationship on entrepreneurial intention. This study also illustrates that the contextual elements variables (close support and perceived support) have a significant relationship with entrepreneurial intention. The findings indicated that there is significant difference between racial groups and intention towards entrepreneurship.

Keywords: entrepreneurial intention, personality trait, contextual elements.

1.0 Introduction

Entrepreneurship is one of the most important elements that contribute to the development, growth and prosperity of the economic in a country. Meanwhile, a career as an entrepreneur creates meaningful benefits for persons to gain wealth and profit by providing job opportunity, innovation, and novelty as well as the growth of economic. Davidsson (1995) stated that new companies are creators of new job, thus entrepreneurship is considered as an important of economic force. Other than that, entrepreneurship may help to solve unemployment problems especially among graduates. Thus, encouragement of entrepreneurship among students has become a vital topic among the policy makers.

Entrepreneurship is a dynamic process of vision, change and creation which is needed to be taught in order to transfer skill and knowledge from an expert to others (Kuratko, 2005). Countries that have gone through rapid growth of economic have always had a large number of adventurous and initiative person who are able to introduce the new products or services or enhance existing approaches in providing products or services in the market place (Abu Bakar, 2008). Therefore, there is rising attentions among policy makers as well as an academicians in developing economic through